

- (iii) Memberikan pendedahan akan teknologi paip dan perancah (scaffolding) kepada peserta dari segi rekabentuk, pematuhan piawaian, cara penggunaan serta pematuhan kualiti dalam penggunaan paip dan scaffolding.

Dalam pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lepas, daripada keseluruhan peruntukan 2018 berjumlah RM 280.25 billion, sebanyak RM 46 Billion dikhususkan untuk belanja pembangunan yang merangkumi 16.4 peratus daripada keseluruhan peruntukan 2018. Negeri Sabah tidak terkecuali dalam menerima manfaat tersebut di mana sebanyak 30 sekolah daif akan dibangunkan semula menggunakan *Industrialise Building System (IBS)*. Oleh yang demikian, para kontraktor perlu menyiapkan diri dengan perkembangan teknologi IBS selaras dengan Matlamat *Construction Industry Transformation Programme (CITP 2016-2020)*. Peruntukan untuk membina dan menaik taraf sekolah menggunakan sistem IBS ini sebanyak RM 2.5 billion merupakan satu jumlah yang besar untuk direbut oleh para kontraktor khususnya kontraktor Bumiputera.

Dalam usaha memperkasa kemudahan pengangkutan terutama di negeri Sabah, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo (LPB) terus dipergiatkan. Daripada keseluruhan 47 pakej untuk pembinaan fasa pertama, sebanyak 35 pakej kerja telah dianugerahkan kepada kontraktor manakala baki 12 pakej sedang melalui proses tender. Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) dengan kerjasama Syarikat Hiap Teck Venture Berhad (HTVB) telah menganjurkan Seminar Kejuruteraan Paip dan Perancah sebagai satu usaha untuk meningkatkan kompetensi kontraktor Bumiputra. Pelbagai usaha akan terus dilaksanakan untuk memastikan usahawan industri binaan khususnya kontraktor Bumiputera dapat terus bersaing di samping menyumbang kepada pembangunan yang inklusif seperti yang diumumkan dalam ucapan Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri.




**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**11 NOVEMBER 2017**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ✉ : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my